



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN
BELIA NEGARA PERINGKAT NEGERI MELAKA, SIDANG 1,
PENGAL KE-33 SESI 2021-2022**

**PADA 3 JANUARI 2022 (ISNIN), JAM 2.00 PETANG
BALLROOM, HOTEL MUDZAFFAR, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis.

(Salutasi di atas rostrum)

MUKADIMAH

1. Pertamanya, saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berada dalam majlis yang penuh bermakna ini sempena **Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Negeri Melaka, Sidang 1, Penggal Ke-33 Sesi 2021-2022.**

2. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya merakamkan ucapan tinggi penghargaan dan syabas kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) dan semua pihak yang sama-sama terlibat menjayakan persidangan yang bermatlamatkan untuk memantapkan lagi institusi belia melalui idea dan pandangan yang akan diutara dan diperbincangkan dalam persidangan ini.

3. Terima kasih juga kerana menjemput saya untuk menyempurnakan Perasmian Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Negeri Melaka, Sidang 1, Penggal Ke-33, Tahun 2021-2022 ini. Rasanya, masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua. Semoga tahun baru ini memberi kita percikan semangat baru, azam dan iltizam untuk melakukan apa sahaja perkara dengan lebih baik berbanding tahun yang lalu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara ini sangat besar maknanya kepada semua golongan belia di negeri dan negara ini. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa kita masih berada dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan usaha untuk menghapuskan wabak yang melanda seluruh dunia pada ketika ini iaitu wabak COVID-19 juga masih belum berakhir.

5. Justeru, suka saya mengingatkan kepada semua supaya terus mematuhi segala peraturan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah

ditetapkan oleh kerajaan demi memastikan diri, keluarga, negeri dan negara kita terhindar daripada wabak ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Untuk makluman semua, Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara yang diadakan pada hari ini telah terkandung di dalam **Bahagian V, Perkara 35, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau (Akta 668)** yang memperuntukkan fungsi majlis adalah untuk bertindak sebagai badan

perunding dalam hal yang berhubung dengan pembangunan belia.

7. Oleh yang demikian, Majlis ini sangat bertepatan dan boleh dijadikan medium perbincangan berkesan untuk menghasilkan idea yang bernas dan pelan tindakan terbaik bagi membangunkan belia di negara ini khususnya di negeri Melaka agar dasar pembangunan belia negara dapat direalisasikan secara holistik.
8. Kerajaan Negeri Melaka bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang lain merasakan bahawa

program-program pembangunan belia perlu dilaksanakan dengan pendekatan baharu yang lebih berfokus dan terperinci. Untuk itu, setiap program pembangunan belia mestilah dilaksanakan dan dinilai impaknya kepada golongan belia sama ada ia mampu memberikan hasil dan kesan yang terbaik kepada agenda pembangunan belia negara atau sebaliknya.

9. Perubahan pendekatan ini harus sentiasa dilaksanakan kerana golongan belia bukan sahaja merupakan aset masa depan negara di mana tingkah laku dan corak pemikiran mereka pada hari ini bakal menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

CABARAN BELIA MALAYSIA

10. Belia Malaysia tidak terlepas daripada berdepan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran global yang semakin kompetitif. Cabaran ini telah mula berlaku pada masa ini dan dijangka akan terus berganda kepada golongan belia pada masa hadapan sekiranya tidak diurus dengan teratur dan sebaik mungkin.

11. Sehubungan dengan itu, golongan belia harus dipersiapkan dari segi karakter berpolitik yang matang, mengupayakan sektor ekonomi yang mampan, memperkasakan kehidupan sosial yang merangkumi pendidikan, kerohanian dan keagamaan, jati diri, perpaduan serta tidak ketinggalan persiapan diri dengan kemajuan teknologi terkini yang sentiasa bergerak pantas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

KUMPULAN PELAKSANA PEMBANGUNAN BELIA

12. Konsep merentas pelaksana merupakan kerjasama rentas agensi bagi memastikan pembangunan belia di negara ini sentiasa bergerak secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap agensi. Pelaksanaan secara bersama ini akan membolehkan proses integrasi dan perkongsian sumber-sumber yang ada, sekali gus mengukuhkan lagi program-program pembangunan belia.

13. Oleh itu, adalah suatu yang sangat positif jika program yang dianjurkan oleh persatuan belia bersifat lebih inovatif, kreatif serta mempunyai jaringan hubungan (*networking*) yang baik dengan semua pihak. Perkara ini juga perlulah mendapat sokongan yang padu daripada setiap agensi berwajib atau sepuluh kumpulan pelaksana di dalam buku Dasar Belia Malaysia.

14. Saya akan terus memberikan sokongan dan dokongan kepada pembangunan belia di negeri ini. Harapan saya agar golongan belia di negeri ini terus

memainkan peranan untuk membantu Negeri Melaka menjadi sebuah negeri yang berdaya saing dalam semua aspek dan bidang setanding dengan negeri dan negara maju yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MEMPERSIAP DIRI MENERIMA PERUBAHAN

15. Kerajaan sebelum ini telah meminda **Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (yang dikenali sebagai Akta 668)** dengan menurunkan julat usia belia daripada 15 hingga 40

tahun kepada **15 hingga 30 tahun**. Pindaan ini selaras dengan Konsep I: Had Umur Setara Piawai Antarabangsa yang terkandung didalam buku Dasar Belia Malaysia yang akan membantu dalam mengurangkan jurang antara generasi serta dapat mempercepatkan proses kematangan golongan belia ke arah transisi belia dewasa.

16. Pada 2019 pula, **Perlembagaan Persekutuan (Perkara 119)** turut dipinda bagi membolehkan had umur mengundi diturunkan daripada 21 tahun ke **18 tahun** dan pendaftaran pemilih secara automatik dilakukan. Untuk itu, para pemimpin belia sedia ada,

perlu menyediakan pemimpin pelapis yang berkaliber, sekali gus mempersiapkan diri mendepani cabaran kepimpinan negara yang lebih luas setelah melepasi had usia seperti ditetapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

17. Saya yakin persidangan yang berlangsung hari ini bakal menjana idea dan pandangan baru yang lebih realistik dan mampu membawa ke arah pembentukan sebuah institusi belia yang lebih inklusif dan

komprehensif pada masa hadapan. Selamat bersidang, semoga Allah SWT memberi yang terbaik kepada kita semua.

18. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahhirahmannirahim, saya merasmikan **Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Negeri Melaka, Sidang 1, Penggal Ke-33, Sesi 2021-2022** pada petang ini.

Sekian,

wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.